

**MONOTEISME DALAM WACANA AGAMA: ANALISIS MENURUT
PERSPEKTIF ISLAM**
**MONOTHEISM IN RELIGIOUS DISCOURSE: ANALYSIS IN ISLAMIC
PERSPECTIVE**

Nurhanisah Senin^{1*}, Mustafa Kamal Amat Misra² & Nazneen Ismail³

¹ Pensyarah, Jabatan Dakwah & Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS,
nurhanisah@kuis.edu.my

² Pensyarah, Jabatan Dakwah & Usuluddin Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS
mustafakamal@kuis.edu.my

³ Pensyarah, Jabatan Dakwah & Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS,
nazneen@kuis.edu.my

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 04 April 2021

| Selepas Pembetulan: 09 Mei 2021

| Diterima untuk terbit: 25 Mei 2021

Abstrak

Kertas kerja ini bertujuan membincangkan tentang konsep monoteisme dalam wacana agama. Konsep monoteisme secara umumnya merujuk kepada penyembahan terhadap satu Tuhan. Kepercayaan sebegini dapat dikesan beberapa agama dunia seperti Islam, Kristian, Yahudi, Hindu, Sikh dan Bahai yang mengakui bahawa hanya terdapat hanya satu Tuhan sahaja. Namun begitu, dalam wacana sarjana agama, konsep monoteisme ini membawa kepada dua implikasi utama iaitu eksklusivisme serta pluralisme dalam kepercayaan agama yang menyebabkan pelbagai konotasi terhadap monoteisme. Sebahagian sarjana mendakwa monoteisme melahirkan unsur permusuhan di antara penganut agama kerana menganggap hanya sesebuah agama sahaja yang dianggap benar dan menolak kebenaran agama lain. Untuk menyelesaikan isu eksklusivisme, sebahagian sarjana menanggapi konsep pluralisme sebagai solusi kepada masalah tersebut. Adapun, Islam menolak pluralisme dan berpegang kepada paradigma Tauhid yang menekankan keesaan Tuhan. Walaupun Tauhid dalam Islam seolah menyamai pendekatan eksklusivis yang menolak kebenaran agama lain, ia tidak mempromosikan permusuhan antara agama. Justeru, satu kefahaman yang tuntas terhadap Tauhid dalam Islam haruslah dicerakini dengan cermat agar ianya tidak disalahfaham.

Kata kunci

Monoteisme, wacana agama, polemik, Islam

Abstract

This paper aims to deliberate the concept of monotheism in religious discourse. In general, monotheism refers to the worship of one God. This belief can be traced in a number of world religions such as Islam, Christianity, Judaism, Hindu, Sikh and Bahai which claim the unity of God. Nevertheless, in monotheistic religious discourse, the concept of monotheism leads to exclusivism and pluralism in religious belief which cause different connotations of monotheism. Some scholars argue monotheism inflicts animosity between people of faith due to the single truth claim and rejection of other religious truth. In addressing the issue of exclusivism, some

propose pluralism as a solution to the problem. Whereas, Islam rejects pluralism and adheres to the paradigm of Tauhid that affirms the oneness of God. In sum, although Tauhid in Islam resembles exclusivist approach that rejects other religious faith, it does not however promote animosity among religious faith. Thus, a precise understanding of Tauhid in Islam must be preserved from any misunderstandings.

Keywords

Monotheism, religious discourse, polemic, Islam

1.0 Pendahuluan

Ketiga-tiga agama Islam, Kristian dan Yahudi mempunyai pandangan dan pendapat yang tersendiri mengenai konsep ketuhanan yang digunapakai dalam agama-agama tersebut. Namun, majoriti penganut agama-agama ini mempercayai akan kewujudan suatu Tuhan yang mempunyai perananNya yang tersendiri menurut agama masing-masing. Sejarah mendapati ketiga-tiga agama ini mengakui akan konsep ketuhanan yang Esa, yakni mempercayai bahawa Tuhan itu Satu. Dalam agama Kristian contohnya, penganutnya mengakui bahawa Tuhan itu mempunyai sifat triniti iaitu Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Roh Kudus. Manakala dalam pegangan penganut Hindu pula mengakui bahawa Tuhan yang Satu yang disebut sebagai Brahman itu juga diinkarnasi kepada tiga iaitu Brahma, Shiva dan Vishnu yang mempunyai peranannya masing-masing. Agama Yahudi pula jelas menyebutkan hanya terdapat Tuhan yang satu iaitu YHWY. Adapun agama Islam melihat konsep monoteisme ini dari sudut tauhid iaitu mengakui bahawa Tuhan itu Satu, dan tiada yang menyamai atau setaraf denganNya.

Konsep monoteisme yang menjadi landasan kepercayaan bagi agama semitik khususnya seperti Yahudi, Kristian dan Islam sering dianggap sebagai agama yang eksklusif. Implikasi daripada eksklusiviti ini menyebabkan agama difahami berpotensi sebagai sumber keganasan dan kekerasan kerana cuba untuk mempertahankan hanya terdapat satu Tuhan yang benar dan absolut dan menganggap kepercayaan lain sebagai salah dan sesat (Erlewine, 2010). Schwartz (1998) salah seorang pengkaji agama di Barat juga menganggap fahaman monoteisme menjadikan penganut agamanya bersifat opresif. Penganutnya tidak mampu untuk bebas dan berkembang kerana tertakluk kepada hukum yang telah ditetapkan. Akhirnya menurut Kimball (t.t), tercetuslah peperangan dengan alasan mempertahankan agama dan Tuhan sehingga beliau beranggapan bahawa agama yang eksklusif ini adalah agama jahat.

Sebagai reaksi kepada aspek kefahaman monoteisme eksklusif inilah para sarjana agama cuba untuk mempromosikan dialog antara agama sebagai satu mekanisme dalam memupuk kefahaman serta melestarikan amalan toleransi beragama. Namun begitu, gagasan dialog antara agama ini mendapat sokongan yang luar biasa sehingga menyebabkan implikasi berbeza terhadap kefahaman agama yang menuntut kepada tahap yang lebih rencam melalui fahaman pluralisme agama. Konsep monoteisme yang asalnya tadi memecahbelahkan masyarakat beragama diangkat pula menjadi tema utama dalam menjadikannya sebagai landasan utama kesatuan antara agama-agama khususnya agama Yahudi dan Kristian yang turut mendapat keselamatan sekiranya beriman dengan Tuhan dan hari akhirat (Osman Bakar, 2010). Schuon pula

berpegang hanya terdapat satu Tuhan sahaja yang disembah sebagai matlamat akhir bagi seluruh agama.

Kepercayaan terhadap konsep monoteisme membawa kepada persamaan Tuhan khususnya antara agama Yahudi, Kristian dan Islam juga dapat dilihat dalam konteks masyarakat beragama apabila Bishop Martinus Muskens apabila ditemubual dalam sebuah program televisyen Belanda mengatakan bahawa berdoa kepada Allah boleh memperbaiki hubungan di antara Kristian-Muslim. Kenyataan tersebut adalah hasil pengalaman beliau dalam usaha misionari di Indonesia yang menggunakan perkataan Allah secara berleluasa (<http://archive-uat.catholicherald.co.uk/article/24th-august-2007/4/praying-to-allah-will-build-bridges-with-islam-say>).

Dalam kes lain pula, pada 2015, Profesor Larycia Hawkins di Wheaton College, Illinois, Amerika Syarikat mendakwa bahawa penganut Islam dan Kristian menyembah Tuhan yang sama (<https://www.washingtonpost.com/news/acts-of-faith/wp/2015/12/16/domuslims-and-christians-worship-the-same-god-college-suspends-professor-who-said-yes/>).

Di Malaysia juga tidak ketinggalan terkesan dengan tuntutan pihak Akhbar Herald – The Catholic Weekly untuk menggunakan kalimah Allah dalam penerbitan berkaitan agama Kristian menjadi isu yang menimbulkan kekeliruan dalam kalangan umat Islam dan Kristian. Kesemua ini bertitik tolak daripada kefahaman bahawa konsep ketuhanan yang bersifat monoteistik adalah sama di antara agama. Sekiranya faham ini diterima begitu sahaja, tidak mustahil masyarakat akan memahami tauhid dalam Islam adalah sama dengan Unity of God dalam Yahudi dan Trinity dalam Kristian serta Trimurti dalam Hindu. Justeru, kajian ini akan membahaskan polemik konsep monoteisme serta menganalisis konsep monoteisme menurut perspektif Islam.

2.0 Konsep Monoteisme

Mono secara literal membawa maksud satu atau tunggal (Noresah Baharom, 2007) yang berasal dari istilah Yunani. Manakala 'teisme' pula terbentuk dari dua perkataan *theo* dan *ism*. *Theo* (Yunani: *theos*) merujuk kepada maksud Tuhan dan *ism* (Yunani: *ismos*) pula membawa konotasi ideology (Reese, 1980). Di sini haruslah diberi perhatian bahawa *theism* dan *deism*ⁱ membawa maksud yang berbeza. Oleh itu, monoteisme membawa maksud secara keseluruhan sebagai konsep kepercayaan penyembahan Tuhan yang satu. Ianya jelas berbeza daripada konsep monismeⁱⁱ dan politeisme.ⁱⁱⁱ Namun ianya amat berkait rapat dengan henoteisme^{iv} dan monolatri^v yang akan dibahaskan dengan lebih lanjut kemudian.

Terdapat pelbagai pendapat dalam asal usul sebenar monoteisme di antaranya adalah seperti pendapat Reese (1980) di mana monoteisme merujuk kepada penyembahan Akhenaten salah seorang Firaun kepada Tuhan matahari yang dikenali sebagai Amun. Ada juga yang berpendapat ianya berasal daripada Musa. Pada hakikatnya, terma monoteisme muncul pada tahun 1680 yang digunakan oleh Henry More (1614-1687). Faktor kemunculannya adalah berikutan mempertahankan agama Kristian daripada agama-agama lain dan terutamanya ajaran Yahudi. Terma monoteisme pada asalnya

lebih banyak dijulukkan kepada Kristian Unitarian (Schneider, 2008). Unitarian di sini bukanlah seperti yang biasa difahami iaitu pecahan Kristian yang menyembah satu Tuhan dan menganggap Jesus sebagai Nabi. Akan tetapi ianya lebih kepada penyembahan Tuhan sebagai pencipta alam. Walaupun More melabelkan golongan ini dengan panteisme kerana beliau menganggap golongan ini menyatukan roh Tuhan dan alam namun ianya lebih kepada gnostisme di mana mengenali Tuhan menerusi metafizika alam.

Menurut Schenider (2008) terma monoteisme juga dikesan terdapat dalam penulisan Henry Rowland *Mona Antiqua* pada tahun 1723. Terma monoteisme di dalamnya merujuk kepada *Druids of Anglesey* yang merupakan kumpulan paderi Britian, Ireland dan France pada zaman besi. Mereka didapati menganut kepercayaan monoteisme yang mempunyai perkaitan dengan Nuh apabila bangsa Phoenicia yang datang ke Britian merupakan keturunan Nabi Nuh seperti yang terbukti diukir di atas batu sama seperti di Palestine dan Syria. Ianya juga didapati sama dengan apa yang terdapat dalam Pentateuch (Torah) (Sweet, 2004). Kemudian ianya digunakan oleh T. Cogan yang merujuk monoteisme kepada ajaran Yahudi dalam bukunya *Jewish Dispensation* pada tahun 1812 (Schenider, 2008).

Untuk memahami dengan lebih baik konsep monoteisme More (1660), pencerahan terhadap tipologi agama menurut More pada waktu sebelum Christ haruslah dirujuk dalam bukunya *An Explanation of The Grand Mystery of Godliness* di mana beliau membahagikannya kepada lima kumpulan utama. Pertama ialah politeisme. Oleh kerana penyembahan Tuhan yang banyak tidak selari dengan definisi Tuhan sebagai 'Supreme Spirit' (roh yang tertinggi), More menganggap mereka sebagai Ateis. Kedua, terdapat golongan yang menyembah matahari sahaja. Ketiga adalah panteisme di mana terma monoteisme ini disebutkan seperti berikut:

"To make the World God, is to make no God at all: and therefore this kind of Monotheism of the Heathen is as rank as Atheism as their Polytheism was proved to be before."
(More, 1660: 62)

Di sini dapat dilihat bahawa More meletakkan monoteisme sejajar dengan ateisme dan politeisme. More berpendapat bahawa kewujudan Tuhan sebagai roh berkait rapat dengan kewujudan Pencipta bumi. Keempat, penyembahan kepada Roh yang kekal yang mempunyai nama dan sifat. Penyembahan dilakukan menerusi penyembahan patung. Ianya adalah modifikasi penyembahan pagan yang telah diperhalusi. Kelima, ajaran Yahudi yang dianggap sebagai terlalu obses dengan perayaan. Ianya dianggap dekat dengan Christ kerana diwahyukan oleh Tuhan kepada Musa. Perbezaannya hanyalah ianya tidak mempunyai sebarang penyembahan patung seperti Christ (MacDonald, 1678).

O. K. Rahmat (1984) menyebut di dalam bukunya yang berjudul *Dari Adam Sampai Muhammad: Sebuah Kajian Mengenai Agama-Agama di dalam sejarah perkembangan manusia*, para sarjana telah memperkenalkan sebuah mazhab yang disebut sebagai evolusionisme. Mazhab ini berpendapat bahawa manusia mencapai kemajuan dengan

berperingkat, dari yang rendah kepada peringkat yang lebih tinggi. Perubahan dari sebuah peringkat kepada peringkat yang lainnya dilihat sangat tidak ketara dan perlahan sehingga hampir tidak kelihatan.

Edward Burnett Tylor dalam kajian beliau menyatakan bahawa dalam peringkat pertama manusia mempercayai akan adanya makhluk-makhluk halus yang berperibadi. Makhluk itu boleh dikategorikan sebagai roh, hantu, jin ataupun arwah nenek moyang manusia. Pada peringkat ini, ia dikenali sebagai memegang atau mempercayai konsep ketuhanan animisme. Kebiasaannya, penganut animisme ini ialah masyarakat primitif iaitu manusia yang hidup pada zaman awal, tanpa perkembangan teknologi dan kemodenan. Tylor mengatakan bahawa sejarah bermulanya kepercayaan ini adalah ketika mana manusia memperoleh mimpi mengenai kehidupan dan kematian. Pendapat lain menyatakan boleh jadi mimpi yang diperkatakan itu sebenarnya merupakan halusinasi.

Mereka mendapat idea tentang kepercayaan animisme ini melalui mimpi di mana, ketika seseorang sedang bermimpi, kita boleh sahaja merantau dan mengembara ke mana sahaja disamping memperoleh pengalaman yang pelbagai. Sedangkan jasad kita sebenarnya hanya berada di atas katil. Melalui pengalaman bermimpi ini, masyarakat primitif membuat kesimpulan bahawa ada sesuatu yang keluar dari jasad manusia lalu mengembara semasa kita sedang tidur. Maka dengan itu mereka membuat pembahagian manusia itu kepada dua unsur iaitu tubuh kasar dan roh yang menghidupkan tubuh kasar manusia.

Masyarakat primitif ini juga menyatakan bahawa bukan hanya manusia sahaja mempunyai roh, kerana dalam mimpi itu boleh sahaja kita berjumpa dengan binatang, tumbuh-tumbuhan, alam sekitar seperti batu, gunung serta sungai. Jadi, kesemua makhluk mempunyai roh yang tersendiri yang menyerupai peribadi tubuh kasarnya.

Pada peringkat seterusnya ketika manusia telah mencapai sedikit kemajuan dalam bidang ekonominya, maka muncullah satu lagi kepercayaan iaitu politeisme. Roh-roh itu tadi turut berevolusi kepada peringkat yang lebih baik darjatnya lalu diberikan nama sebagai Tuhan atau dewa-dewa yang mempunyai pelbagai peranan dan kekuasaan. Peringkat ini manusia mulai menyembah pelbagai tuhan mengikut keperluan sesuatu masa.

Peringkat seterusnya ialah kepercayaan monoteisme di mana manusia hanya mempercayai tentang kewujudan satu Tuhan. Menurut Tylor, monoteisme ini merupakan perkembangan kepercayaan manusia yang terakhir. Secara kesimpulannya, perkembangan kepercayaan ketuhanan manusia itu bermula dari animisme seterusnya politeisme dan yang terakhir ialah monoteisme.

Manakala Wilhelm Schmidt iaitu seorang sarjana dari Australia pula menyangkal pendapat Tylor mengenai proses perkembangan kepercayaan manusia. Beliau menyatakan bahawa kepercayaan yang pertama dan paling asli adalah yang memuliakan Yang Maha Agung, iaitu monoteisme. Penduduk awal di kepulauan Nusantara juga menggunakan konsep ketuhanan yang Maha Esa ini. Agama Hindu di Bali pada ketika itu dinamakan sebagai Hindu-Bali mengakui akan konsep monoteisme

ini dengan menamakan tuhan mereka sebagai Sang Hyang Widhi. Manakala Orang Sunda dari Jawa Barat menggelar tuhan mereka sebagai Hyang Tunggal yang bermaksud Tuhan Yang Esa (O. K. Rahmat, 1984).

Oleh yang demikian, Wilhelm Schmidt membuat konklusi bahawa monoteisme bukanlah kepercayaan yang paling akhir dalam evolusi perkembangan kepercayaan manusia. Malah, sejak dari awal kelahiran manusia lagi mempercayai akan adanya Tuhan yang Maha Esa. Andrew Lang (1898) pula menyatakan konsep monoteisme ini seterusnya telah diseleweng sejajar dengan peredaran zaman. Manusia seterusnya telah mencipta dewa-dewa yang mempunyai peranan yang pelbagai. Maka, zat paling agung iaitu Tuhan yang Satu itu tadi telah diseleweng kepada peranan-peranan yang tersendiri sehingga muncullah kepercayaan yang mengakui banyak Tuhan. Andrew Lang (1898) juga menyatakan bahawa penyelewengan ini juga disebabkan oleh manusia yang gemar menyebarkan perkara dongeng serta mitos sehingga mendapat perhatian masyarakat lalu beriman dengannya. Oleh itu, gambaran tentang tuhan itu dihiaskan dengan kewujudan roh-roh serta dewa-dewi sesuai dengan jiwa masyarakat yang suka akan perkara-perkara ajaib. Hasil daripada cerita-cerita mitos yang dicipta ini lahirlah kepercayaan politeisme.

Konsep monoteisme yang membawa konotasi 'satu Tuhan' mula dikembangkan sejak dari itu. Oleh yang demikian kebanyakan penulisan sehingga hari ini merujuk kepada monoteisme Israel iaitu istilah yang digunakan sejak zaman Nabi Ya'kub sebagai bapa bangsa Israel. Walaupun monoteisme merujuk kepada konotasi 'satu Tuhan' tidak hairan lagi mengapa ianya dinisbahkan juga kepada agama Kristian. Walaupun pada asalnya More tidak merujuk Kristian sebagai monoteisme akan tetapi dengan susur galur agama Israel, Kristian tidak terlepas daripada mendapat jolokan sebagai agama monoteisme selain Yahudi dan Islam.

3.0 Polemik Monoteisme

Konsep monoteisme yang pada dasarnya dilihat sebagai konsep ketuhanan yang mudah dan jelas menjadi satu isu yang hangat diperdebatkan di kalangan sarjana Barat khususnya apabila persoalan *transcendental universal truth* dibahaskan. Akhirnya, ianya membawa kepada beberapa implikasi negatif terhadap umat beragama.

Sigmund Freud dan Jan Assmann adalah antara sarjana yang tersohor menafikan konsep monoteisme berasal daripada ajaran Yahudi. Freud dari sudut psikologi menolak kenyataan bahawa Nabi Musa merupakan pembawa asal agama monoteisme terhadap kaum Yahudi dengan hujjah Nabi Musa berbangsa Mesir (bukan berketurunan Yahudi) dan mengatakan bahawa monoteisme asalnya adalah daripada Akhnaten, salah seorang Firaun Mesir yang menyeru kepada penyembahan Tuhan yang satu (Hyatt, 1940). Jan Assmann (1970), seorang rakyat Jerman yang anti-semitik dan penulisannya terkesan dengan peristiwa *holocaust*, seperti yang dinukilkan di dalam bukunya *Moses the Egyptian: The Memory of Egypt in Western Monotheism* mempunyai pendapat yang sama dengan Freud.

Sebagai pakar dalam disiplin Mesir purba (*egyptology*) Jan Assmann juga menganggap bahawa Nabi Musa bukanlah pembawa asal agama monoteisme sebenar

kerana ajaran monoteisme hanya lahir setelah kewafatan Nabi Musa. Menurut Zeliza Slavetd (2010) dalam ulasannya terhadap buku Jan Assmann (2010), *The Price of Monotheism* mengatakan beliau menolak idea monoteisme yang padanya merupakan sumber kebencian, keganasan dan perbezaan dalam agama, Assmann melihat konsep monoteisme dan politeisme dari sudut struktur budaya di mana politeisme memainkan peranan utama sebagai penterjemah budaya manakala monoteisme sebagai sesuatu yang mengasingkan dan membezakan. Menurutnya lagi, dengan kemunculan monoteisme dalam dunia purba, maka muncullah perbezaan di antara kebenaran dan kebatilan dalam agama yang mendesak kepada perbezaan dalam pendefinisian antara Yahudi dan *Gentile* (bukan Yahudi), Kristian dan paganisme serta Islam dan kafir. Permasalahan dari perbezaan ini timbul bukan kerana konsep kesatuan dalam agama ataupun perbezaan di antara manusia akan tetapi kerana kecaman hebat terhadap kebenaran agama dan penganut mereka.

Di antaranya juga adalah perpecahan dalam kalangan penganut agama berlaku apabila monoteisme hanya mengakui kesucian ataupun kewujudan satu Tuhan sahaja. Monoteisme sebagai kepercayaan kepada satu Tuhan seolah-olah nampak mudah kecuali apabila persoalan apa yang dimaksudkan dengan Tuhan timbul ianya menjadi rumit. Selain itu ianya juga menimbulkan kekeliruan epistemologi dan doktrin dalam kalangan ahli teologi yang sentiasa cuba menghadkan konsep monoteisme supaya kekal relevan dengan agama masing-masing (Smith, 2001).

Monoteisme yang mengalami revolusi di mana ianya membawa kepada kesan negatif dan perdebatan antara agama kerana konsep monoteisme ini membezakan antara yang benar dan salah dan antara Tuhan yang patut disembah dan sebaliknya. Akhenatan (1360SM-1340SM) di Mesir dianggap sebagai yang memulakan revolusi tersebut dengan melarang daripada meletakkan imej kepada Tuhan dan menafikan kewujudan Tuhan lain kecuali satu Tuhan sahaja. Rumah ibadat ditutup, puak-puak dimansuhkan, gambar-gambar dimusnahkan dan nama-nama dipadamkan. Revolusi monoteisme turut menyumbang kepada kekejaman.

Selain itu, ianya juga memutuskan perhubungannya dengan kosmoteisme (merujuk kepada penganut politeisme yang banyak menyembah benda-benda semula jadi yang disebut juga sebagai aminisme) dengan adanya kitab suci yang dianggap wahyu dari Tuhan dan ianya menentukan budaya kehidupan penganutnya. Kesan daripada membezakan di antara benar dan salah, revolusi monoteisme juga melahirkan konsep dosa, syirik dan konsep pagan yang dianggap salah. Ianya juga membawa kepada keadilan dari sudut teologi kerana adanya kodifikasi dari kitab yang diturunkan Tuhan. Manakala evolusi monoteisme dianggap sebagai tidak bersistematik (Assmann, 2004).

Schwartz (1998) di dalam bukunya *The Curse of Cain: The Violent Legacy of Monotheism*, berpendapat bahawa monoteisme bukanlah bersifat opresif akan tetapi keistimewaan sesebuah agama ke atas agama lain menyebabkan ianya berbahaya dan membawa kepada penggansan dan pembunuhan (Clements, 2007). Monoteisme yang bersifat eksklusif yang akan membawa kepada keganasan seperti yang dibawakan oleh Schwartz. Dalam memperkatakan tentang monoteisme dalam Islam, Roberts (2011) membahaskannya secara komparatif dengan konsep Trinitas Kristian yang menurutnya turut diperakui sebagai agama monoteisme. Beliau mengulas tentang kekukuhan serta kejelasan asas monoteisme Islam yang menarik minat

penganut agama lain termasuk agama Kristian. Terdapat juga pengkaji yang bersependapat dengan Schuon dalam mengaitkan konsep monoteisme dengan konsep pluralisme. Jean-Luc Nancy (2004) dalam artikelnya *'The War of Monotheism: On the Inability of Civilization to Expand: The West Battles against Itself'* menganggap monoteisme membawa kepada peperangan dan perpecahan tamadun timur dan barat apabila masing-masing cuba memberikan definisi kepada konsep universalisme yang terangkum dalam konsep monoteisme. Menurutnya lagi, peperangan hanya dapat dihentikan apabila transformasi tamadun dapat dilakukan dan ianya menuntut kepada pemahaman yang sama dalam kebenaran yang mutlak.

Menurut Smith (2001) pula, konsep monoteisme memperlihatkan kesedaran kepada penganut agama Judeo-Christianity terhadap kemodenan yang menerima konsep monoteisme sebagai konsep yang lebih bertamadun berbanding dengan konsep politeisme yang mereka anuti sejak berkurun lamanya. Menurutnya lagi, pihak Barat beralih pandang ke arah timur (khususnya agama Islam) dalam membuktikan agama mereka sebagai agama yang bertamadun dengan mengiktiraf agama mereka sebagai monoteis. Konsep monoteisme telah menyumbang dalam menyatukan penganut-penganut agama Barat terutamanya mereka yang terkesan dengan sekularisme (asalnya beragama Kristian) dengan melihat aspek monoteisme sebagai 'agama sivil'. Agama sivil adalah agama yang lebih bertamadun dan dipandang tinggi. Menjadi kelaziman apabila sesebuah masyarakat itu terkesan dengan sekularisme yang menganggap logik akal mengatasi segalanya, tidak dapat menerima agama Kristian sepenuhnya. Di sini, monoteisme dilihat sebagai penyumbang kepada penyatuan dan suatu konsep keagaan yang lebih dapat diterima oleh pihak sekular berbangding Kristian.

Pada satu aspek yang lain pula monoteisme dilihat sebagai memberi kesan buruk kepada masyarakat dunia apabila sesetengah sarjana menganggap monoteisme membawa kepada peperangan apabila setiap masyarakat agama mengiktiraf diri mereka sebagai satu-satunya agama yang benar dan menafikan agama lain (Smith, 2001).

Monoteisme juga memainkan peranan penting dalam kolonisasi dalam memberikan perspektif yang berbeza kepada manusia umumnya bahawa mereka yang tidak berpegang kepada konsep monoteisme dianggap sebagai masyarakat yang mundur. Kerangka ideologi Kristian yang menyebarkan kepercayaan hanya kasih sayang Tuhan yang satu menerusi Jesus Christ dapat menyelamatkan manusia daripada kehidupan yang tidak bertamadun. Begitulah terbentuknya doktrin ketuhanan Kristian yang menjadi monoteistik walaupun pada dasarnya mempercayai doktri Trinititi (Schneider, 2008). John Stuart Mill (1957) sendiri sebagai seorang ahli falsafah mendakwa bahawa monoteisme merupakan kepercayaan yang lebih tinggi kedudukannya daripada politeisme dari segi konsep agama semulajadi (*natural religion*) kerana ianya memerlukan daya intelektual yang tinggi dan sejajar dengan penemuan sains.

Kepercayaan monoteisme ini pada asalnya melahirkan kefahaman eksklusif yang menganggap hanya terdapat satu agama sahaja yang benar. Sikap ini dapat ditelusuri dalam agama Kristian dengan ungkapan *'extra ecclessiam nulla salus'* yang membawa konotasi fahaman bahawa tiada keselamatan yang akan diperolehi di luar gereja. Keselamatan hanya pada mereka yang mempercayai ketuhanan Jesus. Doktrin ini

telah dimanifestasikan oleh beberapa Pope pada sekitar abad ke 11 dan 12 antaranya adalah Pope Boniface VIII yang menekankan keselamatan hanya bagi mereka yang telah dibaptis.

Doktrin ini digunakan oleh Gereja Roman Katolik untuk menunjukkan legitimasinya sebagai sebuah institusi. Frasa ini dikatakan berasal daripada kata-kata Jesus di dalam Bible *'No one comes to the Father except through me.'* (John 14: 6). Frasa ini mengandungi fahaman bahawa doktrin Kristian adalah unik dengan kepercayaan mereka terhadap inkarnasi Tuhan terhadap Jesus serta kebangkitan Jesus sebagai penyelamat merupakan satu-satunya prinsip yang membolehkan manusia mendapat keselamatan. Pada asalnya doktrin ini digunakan bagi membezakan Gereja Katolik dengan aliran lain dan bukanlah untuk membezakan agama Kristian dengan agama lainnya (Dinioia, 1992).

Fahaman eksklusif ini merupakan fahaman yang popular ketika pemerintahan Kristian Roman sekitar tahun 300 masihi di bawah pimpinan gereja Augustine (354M-430M). Pada waktu ini, gereja memainkan peranan penting bukan dalam hal agama sahaja tetapi dalam mempertahankan kekuasaan empayar Rom (Koterski, 1993). Fahaman eksklusif ini merupakan teras kepercayaan agama Kristian sehingga zaman pertengahan sehinggalah akhir kurun ke-16 apabila ajaran Kristian mula disebarikan hasil daripada penjajahan kuasa politik Barat. Bermula daripada pelayar laut yang meneroka laluan baru ke dunia luar seperti Christopher Columbus, Vasco Da Gama, Francis Drake dan lain-lain (Knitter, 1985). Gerakan misionari gereja Roman Katolik secara tidak langsung membuka mata manusia tentang kepelbagaian serta perbezaan pegangan agama dan tradisi kepercayaan.

Fahaman bersifat inklusif merupakan reaksi daripada terhadap eksklusivisme akibat kegagalan eksklusivisme dalam agenda politik Barat (Khalif Muammar, 2013). Kemunculannya secara rasmi dirakamkan pada Majlis Kedua Vatican sekitar tahun 1965. Karl Rahner, seorang ahli teologi Kristian merupakan antara perintis fahaman inklusif ini yang terkeal dengan istilah *Anonymous Christian* (Kristian tanpa nama). Istilah ini merujuk kepada masyarakat bukan masyarakan yang juga mendapat keselamatan (*salvation*) menerusi Jesus Christ walaupun mereka tidak pernah mengetahui tentang Jesus Christ (D'Costa, 1985).

Gereja Katolik Kristian buat pertama kalinya memberikan pengiktirafan kepada setiap agama besar yang wujud di dunia dalam usaha membina hubungan dan jambatan antara agama. Gereja menerima apa sahaja yang baik daripada agama lain. Dokumen *Nostra Aetate* mendasarkan kepercayaan mereka terhadap sumber dari Bible yang menyebutkan bahawa manusia dicipta oleh Tuhan dan demikian itu manusia mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk mendapat keselamatan Tuhan (Kintter, 1985). Lebih-lebih lagi dalam ajaran agama yang bersifat monoteistik. Fahaman ini akhirnya menjadi satu identiti kepada Gereja Roman Katolik pada akhir abad ke-20.

The Catholic Church rejects nothing of what is true and holy in these religions. It has a high regard for the manner of life and conduct, the precepts and doctrines which, although differing in many ways from its own teaching, nevertheless often reflect a ray of that truth which enlightens all men and women.

(https://www.vatican.va/archive/hist_councils/ii_vatican_council/documents/vat-ii_decl_19651028_nostra-aetate_en.html.)

Gereja Katolik tidak menolak mana-mana kebenaran yang wujud dalam agama lain yang dianggap benar dan suci kerana dalam setiap ajaran itu pastinya terdapat kebenaran yang satu yang menerangi semua manusia. Perenggan di atas secara tidak langsung menunjukkan bagaimana gereja menerima kebenaran yang terdapat dalam ajaran lain. Di dalam deklarasi tersebut turut disebutkan bagaimana kedua-dua ajaran Islam dan Kristian mempunyai persamaan dalam penyembahan terhadap Tuhan yang satu serta kepercayaan mereka terhadap Nabi Ibrahim serta Mariam dan juga Isa yang dianggap sebagai Nabi.

Hal ini menunjukkan bagaimana konsep monoteisme yang dipegang oleh agama menjadi pencetus kepada kefahaman pluralisme. Wilfred Cantwell Smith (1916-2000) walaupun tidak secara langsung menggunakan perkataan pluralisme agama, namun beliau banyak mengkritik pendekatan ajaran Kristian terhadap agama lain dalam bukunya *The Meaning and End of Religion*. Beliau menolak konotasi agama dan menggantikannya dengan istilah *world theology* dalam memahami agama-agama lain dengan adil (Smith, 1989). Menurut Smith (1989), konotasi *religion* lazimnya hanya difahami sebagai pegangan tradisi yang diikuti oleh setiap generasi secara turun temurun sehingga mengabaikan unsur kepercayaan yang dianggap sebagai sentral dalam sesebuah agama.

Fahaman pluralisme agama juga dapat dikesan dalam beberapa penulisan sarjana Kristian lain seperti John Hick. Hick pernah menjelaskan:

“Pluralism is the view that the great world faiths embody different perceptions and conceptions of and correspondingly different responses to the Real or the Ultimate from within the major variant cultural ways of being human, and that within each of them the transformation of human existence from self-centredness to Reality centeredness is manifest may taking place and - taking place, so far as human observation can tell, to much the same extent.” (Hick, 2016:156)

Jelasnya, Hick beranggapan bahawa semua agama adalah hasil manifestasi daripada Tuhan yang satu. Menurutnya, kebenaran mutlak iaitu Tuhan adalah bersifat sentral yang dikelilingi dengan agama-agama. Kepelbagaian agama hanyalah sebahagian tafsiran daripada kebenaran mutlak ini. Hal ini sejajar dengan kenyataan beliau di atas yang menyebutkan pluralisme sebagai transformasi daripada *self-centeredness* kepada *reality-centeredness* yang perlu difahami dalam meneliti kepelbagaian yang berlaku di dunia ini.

Dalam masa yang sama Hick (1995) cuba untuk mendefinisikan semula persoalan keselamatan (*salvation*) dalam ajaran Kristian. Beliau beranggapan ajaran Kristian yang eksklusif tidak lagi relevan untuk dipraktikkan dalam konteks kepelbagaian agama dan tradisi. Transformasi spiritual dalam penyembahan Tuhan yang satu menurut Hick (1995) tidak kira samada Tuhan itu disebut sebagai *Yahweh* atau *Adonai*, *God Father*, *Allah*, *Brahman*, *Shiva* atau selainnya hanyalah merupakan sebahagian manifestasi

manusia menurut tradisi kepercayaan setiap agama. Namun kesemua penyembahan pada hakikatnya menuju kepada Realiti yang sama dengan cara yang berbeza.

Sarjana Islam tidak terlepas daripada terpengaruh dengan fahaman pluralisme. Antaranya adalah Rene Guenon, Frithjof Schuon dan Sayid Hussein Nasr yang kesemuanya mempromosikan kesatuan agama menerusi slogan *The Transcendent Unity of Religion*. Falsafah abadi (*perennial philosophy*) merupakan asas utama dalam fahaman pluralisme yang dibawa oleh Guenon dan Schuon. Antara yang terawal membahaskan tentang *Perennial Philosophy* adalah Leibniz iaitu pada tahun 1715 di dalam penulisannya yang menerangkan tentang metod 'pencarian jejak kebenaran' sebagai salah satu falsafah kuno. Namun, ianya tenggelam dalam era modernisasi di Barat (Nasr, 1999).

Ianya berasal daripada doktrin Sanatana Dharma iaitu agama yang abadi yang lahir daripada pegangan masyarakat Hindu Advaita Vedanta. Faham ini juga didakwa berasal daripada falsafah Yunani Plato dan kemudiannya dikembang oleh ahli falsafah Neoplatonisme yang berpendapat bahawa setiap agama mempunyai dimensi esoterik yang bersifat universal (Schuon, 1982).

Dalam falsafah ini, Schuon mempertahankan asas epistemologinya yang mendukung fahaman esoterik dan eksoterik. Esoterik merujuk kepada dimensi spiritual dan metafizik di mana pada nya terletak nilai kebenaran universal. Adapun eksoterik merujuk kepada sistem yang wujud dalam tradisi-tradisi agama (Schuon, 2005). Menurut Schuon, kedudukan eksoterik ini membuatkan agama dilihat sebagai eksklusif adapun tahap esoterik memperlihatkan agama pada tahap inklusif dan puralis. Schuon (2005) berpandangan Tuhan yang disembah bukan hanya Allah dalam Islam namun terdapat juga tuhan-tuhan lain dalam agama yang berbeza. Adapun Tuhan dalam tahap kefahaman eksoterik menampilkan dirinya dalam pelbagai macam bentuk menurut fahaman tradisi agama masing-masing.

4.0 Perbincangan: Analisis Monoteisme Menurut Perspektif Islam

Secara umumnya, falsafah Barat sentiasa cuba untuk meletakkan semua agama pada taraf yang sama. Kefahaman ini bertitik tolak daripada proses perkembangan agama hasil daripada evolusi agama yang bermula daripada animisme, politeisme / henoteisme dan akhirnya membentuk monoteisme.

Sekiranya dilihat daripada perspektif evolusi agama, konsep monoteisme ini tidak akan berakhir di situ. Ianya boleh mengalami perubahan dan perkembangan. Cara berfikir secara evolutif ini jelas bertentangan dengan konsep tauhid dalam Islam di mana ianya berasal daripada Allah sejak Nabi Adam sehingga Nabi Muhammad. Walaupun Islam diturunkan kepada bangsa yang berbeza, namun mesej utama dalam memahami konsep ketauhidan Allah tetap sama (Aizam, 2015). Allah berfirman:

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا فِطْرَةَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ
ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ

“Maka hadapkanlah wajahmu dengan lurus kepada agama (Islam), (sesuai) fitrah Allah disebabkan Dia telah menciptakan manusia

menurut (fitrah) itu. Tidak ada perubahan pada ciptaan Allah. (Itulah) agama yang lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahu.” (Surah al-Rum 30 :30)

Ayat di atas jelas menunjukkan Islam bukanlah sebuah agama yang terjadi hasil daripada proses evolusi, manakala agama Islam merupakan agama fitrah bagi manusia sekalian alam. Pengenalan kepada Tuhan yang Esa bukanlah kerana pengalaman dan pengajaran kepada manusia, manakala ini merupakan fitrah semulajadi yang telah ada dalam diri setiap manusia.

Hal ini bertentangan dengan Barat yang menolak konsep wahyu dalam tradisi pemikiran mereka. Sebaliknya mereka beranggapan bahawa agama ini merupakan salah satu gejala budaya yang berkembang dalam sesebuah masyarakat berdasarkan kepada interaksi mereka sesama manusia dan juga alam.

Tauhid dan monoteisme pada zahirnya mungkin dilihat meurjuk kepada definisi yang serupa iaitu kepercayaan kepada Tuhan yang Satu, namun pada dasarnya memberi tafsiran yang sedikit berbeza dalam beberapa aspek. Antaranya, tauhid Islam mengajarkan bahawa Allah adalah (الله) iaitu satu-satunya dan tunggal. Menurut Abdurezak Hashi (2013), tauhid juga memberikan definisi tanzīh iaitu ketinggian Tuhan di atas semua jenis persamaan dengan makhluk, atau menyucikan Allah daripada menyerupai makhluk. Allah tidak menyerupai makhlukNya dalam intipati mahupun sifat dan tindakan. Menurut Islam, Tuhan adalah satu dalam esensinya tanpa pembahagian, satu dalam sifatNya tanpa persamaan dan satu di dalam perilakuNya tanpa ada pertolongan dari yang lainnya.

Oleh itu, tauhid mengajarkan bahawa penyembahan hanya kepada Allah semata-mata, tanpa menyekutukanNya dengan yang lain. Mengakui akan keesaan Tuhan tetapi dalam masa yang sama beribadat kepada makhluk yang lainnya membawa kepada politeisme. Tauhid menyatakan bahawa sifat Allah itu adalah unik dan tiada tandingan, Dia yang paling tinggi daripada semua makhluk dari semua aspek.

The nature of God understood in Islam is not the same as the conception of God understood in the various religious traditions of the world . . . The apparent similarities that may be found between their various conceptions of God with the nature of God understood in Islam cannot be interpreted as evidence of identity of the One Universal God in their various conceptions of the nature of God; for each and every one of them serves and belongs to a different conceptual system, which necessarily renders the conception as a whole or the super system to be dissimilar to one another. (Al-Attas, 1995: 7)

Adapun menurut ajaran Islam, al-Quran jelas menyebutkan tentang kebenaran satu-satunya agama iaitu agama Islam seperti yang disebutkan di dalam al-Quran:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ
مَا جَاءَهُمْ بِالْعِلْمِ بَيْنَ بَيْنِهِمْ وَمَنْ يَكْفُرْ يَتَّخِذْ اللَّهُ سَرِيعَ
الْحِسَابِ

“Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam. Dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan Kitab itu tidak berselisih (mengenai agama Islam dan enggan menerimanya) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah tentang kebenarannya; (perselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki yang ada dalam kalangan mereka. Dan (ingatlah), sesiapa yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah, maka sesungguhnya Allah Amat segera hitungan hisabNya.” (Surah ali-Imran 3: 19)

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa Islam merupakan satu-satunya agama yang diiktiraf oleh Allah. Walaupun al-Quran menyebutkan tentang kewujudan agama-agama lain dan kepentingan untuk menghormati penganut agama lain, namun begitu daripada sudut kebenaran dalam penyembahan merupakan hak mutlak ajaran Islam. Tiada agama lain yang boleh disamakan dengan agama Islam.

Sekiranya ditelusuri daripada aspek epistemologi Islam pula, jelas sekali agama tidak boleh disandarkan pada sangkaan (*zann*), spekulasi dan andaian tetapi mestilah bersandarkan kepada ilmu dan kepastian. Ilmu dan kepastian ini adalah anugerah yang diberikan Allah sebagai hidayah dan petunjuk kepada orang yang beriman. Oleh itu, para ilmuan Islam sejak dahulu bersikap tegas terhadap golongan *sufasta'iyyah* (*sophist*) yang terdiri daripada kelompok agnostik (*al-la adriyyah*) yang menafikan kemungkinan manusia memperoleh ilmu dan kebenaran bergantung kepada kehendak manusia dan kelompok yang keras kepala (*al-'inadiyyah*) yang berkeras menolak kebenaran meskipun ianya terang dan jelas. Golongan *sufasta'iyyah* pada hari adalah apa yang disebutkan dengan fahaman pluralisme agama kerana menolak kebenaran yang mutlak. Adalah amat penting sekali untuk meletakkan sikap tegas dan jelas dalam mempertahankan Tauhid yang mencirikan agama Islam sebagai agama yang sebenar di sisi Allah (Khalif Muammar, 2013).

Adapun dalam hubungan antara agama, Islam meletakkan batas-batas penting dalam kehidupan beragama. Antara prinsip yang boleh dipegang adalah konsep “teguh pada prinsip dan toleransi pada sikap” (Muhamad Zaidi et al, 2007). Teguh pada prinsip bermaksud keyakinan bahawa asas-asas utama dalam persoalan akidah dan ibadat haruslah dianggap sebagai kebenaran mutlak. Dalam hal ini, tiada ruang untuk berkompromi dan bertoleransi dengan penganut agama lain. Adapun toleransi yang dianjurkan dalam Islam adalah pada sikap dan muamalah antara penganut agama sebagai contoh sikap terhadap kepercayaan agama lain yang tidak memaksa, tidak mencaci dan tidak berkasar dengan penganut agama lain atas faktor agama yang berbeza.

5.0 Kesimpulan

Konsep monoteisme yang membawa konotasi penyembahan kepada Tuhan yang satu secara umumnya memberi implikasi terhadap kefahaman masyarakat beragama. Ianya dibincangkan secara rencam dalam kalangan sarjana agama. Umumnya, kesan daripada perbahasan berkenaan monoteisme melahirkan dua konsep utama iaitu eksklusiviti dan respon daripada eksklusiviti ini lahirlah perbahasan inklusiviti dan pluralisme. Menurut sebahagian sarjana Barat, eksklusiviti daripada monoteisme ini membawa konotasi agama yang bersifat opresif dan menyebabkan peperangan antara agama. Hasilnya, timbul pula reaksi yang menggunakan monoteisme sebagai landasan kepada mempromosikan pluralisme agama kerana ciri monoteisme yang wujud dalam agama-agama dunia pada hakikatnya berperanan menyatukan agama dan sekaligus mewujudkan keharmonian umat beragama. Kedua-dua keadaan ini pada hakikatnya adalah bertentangan dengan konsep tauhid dalam Islam. Walaupun pada dasarnya konsep monoteisme dan tauhid adalah sama dari aspek penyembahan kepada Tuhan yang satu, namun implikasi daripada monoteisme yang dibahaskan oleh para sarjana agama adalah tidak sejajar dengan konsep tauhid dalam Islam. Tuntasnya, tauhid dalam Islam tidak menyebabkan penganutnya bersifat opresif terhadap penganut agama lain dan dalam masa yang sama mampu untuk hidup secara harmoni tanpa menggadaikan prinsip utama kepercayaan tauhid yang bersifat monoteistik yang absolut dalam mendasari akidah Islam.

Rujukan

- Abdurezak A. Hashi. (2013). *Between Monotheism and Tawhid: A Comparative Analysis*. 23, 23-29, Department of Biotechnology, Kulliyah of Science, IIUM.
- Aizam Mas'od. (2015). *Diskusi Isu Aqidah dan Pemikiran Semasa di Malaysia*. Putrajaya: JAKIM
- Al-Attas, Syed Naquib. (1995). *Prolegomena to the Metaphysics of Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC
- An Introductory Dictionary of Theology and Religious Studies*. (2007). Orlando O. Espín, James B. Nickoloff, eds..Liturgical Press
- Assmann, Jan. (1997). *Moses the Egyptian: The Memory of Egypt in Western Monotheism*. Cambridge, Mass: Harvard University.
- Assmann, Jan. (2004). "Monotheism and Polytheism" dlm Johnston S. I. (ed). *Religions of the Ancient World: A Guide*. Cambridge: The Belknap Press of Harvard University Press.
- Assmann, Jan. (2010). *The Price of Monotheism*. (Stanford: Stanford University Press, 2010)
- Clements, Ronald E. (2007). "Monotheism and the God of Many Names" Dlm Robert P. Gordon (ed). *The God of Israel*. UK: Cambridge University
- D'Costa, Gavin (1985). Karl Rahner's Anonymous Christian: A Reappraisal. *Modern Theology*. 1 (2): 131–148.
- Dinioia, J. A. (1992). *The Diversity of Religions: A Christian Perspective*. Washington D.C: The Catholic University of America Press.

- Erlewine, Robert. (2010). *Monotheism and Tolerance Recovering a Religion of Reason*. Bloomington: Indiana University Press.
- H. O. K. Rahmat (1984). *Dari Adam Sampai Muhammad: Sebuah Kajian Mengenai Agama-Agama*. Jakarta: Pustaka Aman Press.
- Hick, John. (1995). *The Rainbow of Faiths*. London: SCM Press Ltd.
- Hick, John. (2016). *The World's Religious Traditions: Current Perspectives in Religious Studies* Frank Whaling (ed). London: Bloomsberry Collection
- Kamar Oniah Kamaruzzaman. (2003). *Islam: A Contemporary Comparative Discourse*. Selangor: Akademi Kajian Ketamadunan
- Khalif Muammar (2013). *Islam dan Pluralisme Agama*. Kuala Lumpur: UTM.
- Kimball, Charles. (t.t). *When Religion Becomes Evil*. UK: Harper Collins e-books.
- Knitter, Paul F. (1985). *No Other Names*. London: SCM Press Ltd.
- Koterski, Joseph. (1993). 'Religion as The Root of Culture' dalam *Christopher Dawson Insight: Can a Culture Survive the Loss of Its Religious Root*, The Proceeding of the Wethersfield Institution. Vol. 7. Ignatius Press, pp. 24-25.
- Lang, Andrew. (1898). *The Making of Religion*. London: Longmans Green and Co.
- Lindsay Jones (ed). (2005). *Encyclopedia of Religion*. 2nd Edition. USA: Thomson.
- Mill, J.M. (1957). *Theism*. New York: The Liberal Arts Press.
- More, Henry. (1660). *An Explanation of the Grand Mystery of Godliness*. London: Flesher & Morden.
- Muhammad Zaidi Abdul Rahman, Nur Hafilah Musa, Baharuddin Che Pa. (2007) "Asas Toleransi Terhadap Kebebasan Beragama dari Perspektif Islam" *Konsep Asas Islam dan Hubungan antara Agama*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Pp 113-134
- Nancy, Jean-Luc. (2004). "The War of Monotheism: On the Inability of Civilization to Expand: The West Battles Against Itself" *Cultural Critique*. Spring (57). 104-107
- Nasr, Sayid Hussein. (1999). 'Preface'. Frithjof Schuon (ed). dalam *Transcendent Unity of Religion*. Lahore: Suhail Academy.
- Nathan MacDonald. (2004). The Truth Intellectual Sytem of the Universe. *Early Christian and Jewish Monotheism*. Loren T. Stuckenbruck & Wendy North (eds). New York: T&T Clark International
- Noresah Baharom (ed). (2007). *Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Osman Bakar. (2010). Exclusive and Inclusive Islam in the Qur'an: Implications for Muslim-Jewish Relations. *Journal of the Interdisciplinary Study of Monotheistic Religions (JISMOR)* 5. Pp. 4-15
- Roberts, Nancy. (2011). "Trinity vs. Monotheism: A False Dichotomy?" *The Muslim World*. 101 (1). Pp. 73-93
- Schneider, Laurel C. (2008). *Beyond Monotheism: A Theology of Multiplicity*. London & New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- Schuon, Frithjof. (1982). *From the Divine to the Human*. USA: World Wisdom Books
- Schuon, Frithjof. (2005). *Esoterism As Principle and As Way*. Lahore: Suhail Academy Press, 2005.

- Schwartz, Regina, M. (1998). *The Curse of Cain: The Violent Legacy of Monotheism*. Chicago: University of Chicago
- Slavet, E. (2010). *A Matter of Distinction: On Recent Work by Jan Assmann*. Association for Jewish Studies.
- Smith, Mark. (2001). *The Origins of Biblical Monotheism: Israel's Polytheistic Background and the Ugaritic Texts*. Oxford: Oxford University Press.
- Smith, Wilfred Cantwell. (1989). *Towards a World Theology*. London: Macmillan Press Ltd
- Sweet, Rosemary. (2004). *Antiquaries: The discovery of the Past in Eighteen-Century Britain*. Britain: Cambridge University Press.
- Reese, William L. (1980). *Dictionary of Philosophy and Religion*. New Jersey: Humanities Press.

ⁱ Dalam konsep *deism*, Tuhan dianggap sebagai pencipta-Tuhan (*Creator God*), *Prime Mover*, *First Cause* yang menciptakan semua kejadian dan setelah kerjanya selesai ia akan memisahkan dirinya daripada kerjanya dan tidak mahu dikaitkan atau ambil peduli kepada ciptaannya itu. *Deity* dengan *theo* menurut pemahaman agama, budaya ahli falsafah hanyalah kepada mekanikal sahaja dengan menganggap Tuhannya itu tidak responsif. Adapun monoteisme adalah agama yang mementingkan hubungan dua hala yang aktif antara Tuhan dan juga hambaNya di mana hambaNya dapat meminta pertolongan, perlindungan tidak kira apa sahaja keperluan serta kondisinya. Oleh itu, yang bergelar *theo* adalah Tuhan kepada umat semua manusia dan yang demikian itu konsep monoteisme yang absolut memerlukan manusia untuk mempunyai akses kepada Tuhan mereka pada bila-bila masa. Kamar Oniah Kamaruzzaman. (2003). *Islam: A Contemporary Comparative Discourse*. Selangor: Akademi Kajian Ketamadunan, 18.

ⁱⁱ Monisme membawa pengertian penyatuan dalam satu keberadaan atau hakikat (reality). Ianya sering dikaitkan dengan ajaran mistik (mysticism) dalam agama-agama apabila terdapat kepercayaan inkarnasi roh. Lindsay Jones (ed). (2005). *Encyclopedia of Religion*. 2nd Edition. USA: Thomson. 6143

ⁱⁱⁱ Sistem kepercayaan Tuhan yang menyeru kepada penyembahan banyak Tuhan. *Poly* membawa erti berbilang. Kepercayaan manusia pada zaman Greek dan Romawi juga tergolong dalam politeisme di mana mereka mempercayai keterbilang dewa.

^{iv} Sistem kepercayaan kepada Tuhan yang satu akan tetapi pada masa yang sama mengiktiraf penyembahan Tuhan lain atas landasan kebenaran yang sama. Terma ini diperkenalkan oleh Max Muller.

^v Sistem kepercayaan kepada Tuhan yang satu secara konsisten dalam masa yang sama akur kepada kewujudan Tuhan lain tetapi kebenaran hanyalah satu sahaja. Terma ini diperkenalkan oleh Julius Wellhausen.